

## **Kajian Koleksi Tamadun Islam di Perpustakaan IKIM dan Kepentingannya**

Tatiana A. Denisova\*❖

### **Abstract**

One of the great assets and distinguishing features of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) is the presence of an invaluable special collection of materials encompassing different aspects of the civilisation of Islam in her library, amounting to more than eight thousand (8000) books published between the 17th to early 20th century in more than twenty (20) languages. It makes IKIM Library one of the few libraries in Malaysia and perhaps Southeast Asia with such a collection. The presence of several sets of the world's leading journal publications in Oriental and Islamic studies is another unique feature of IKIM Library. They consist of eighty five (85) different research societies and institutions of international repute for the last 163 years. The main research themes of such journal collections are general studies on Islamic Civilisation; regional studies of the Arab lands, Iran, Central Asia, South Asia, as well as Southeast Asia; and Semitic Studies. The main goal

- 
- \* PhD, Senior Fellow at the Department of the Historical Sources, Moscow Institute of Oriental Studies, Russian Academy of Science. She is also a professor at the Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilization (CASIS), University Technology Malaysia, an Honorary Fellow of IKIM.
  - ❖ She is an invited author for the present volume.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

of this article is to acquaint readers and specialists with this collection of scientific journals and present it as comprehensive historiographical source on the history of Muslim civilisation.

**Keywords**

IKIM Library, Muslim civilisation, academic journals, Oriental Studies, Islamic Studies.

## Pengenalan

Dalam Koleksi Tamadun Islam Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Langgak Tunku off Jalan Tuanku Abdul Halim, terdapat sebuah koleksi jurnal akademik yang merupakan terbitan yang amat berwibawa dan terkenal dalam kalangan para ahli akademik dan para tokoh dalam bidang kajian Islam serta Kajian Oriental di seluruh dunia. Koleksi Tamadun Islam IKIM diperoleh pada tahun 2008 ketika Tun Ahmad Sarji ialah Pengurus IKIM manakala Datuk Dr. Syed Tawfiq al-Attas sebagai Ketua Pengaruhnya. IKIM mengorak langkah memperoleh koleksi khas Tamadun Islam sebanyak lapan ribu naskhah yang terdiri daripada koleksi buku dan jurnal pengumpul ilmuwan dari benua Eropah, bukan sahaja dalam Bahasa Inggeris tetapi bahasa lain seperti Rusia, Perancis, Hebrew, Arab, Jerman, Belanda, latin, Turki, Itali, Sepanyol dan sebagainya. Semuanya menjangkau lebih kurang dua puluh bahasa. Kehadiran koleksi tersebut di Perpustakaan IKIM adalah sesuatu yang sangat istimewa kerana apabila diteliti, ia mengesahkan hakikat bahawa koleksi tersebut merupakan salah satu koleksi jurnal profesional yang paling lengkap yang terdapat di Malaysia serta di seluruh Asia. Khazanah tersebut sememangnya mampu memberi manfaat yang besar kepada para pengunjung di Perpustakaan IKIM serta para cendekiawan Malaysia.

Koleksi jurnal akademik ini mengandungi 85 tajuk yang berbeza yang diterbitkan mulai dari tahun 1834 (*The Journal of the*

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

*Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland* sehingga 2007 (*HALI - The International Journal on Islamic Carpets and Textile*) iaitu selama 163 tahun. Jurnal-jurnal tersebut diterbitkan dalam pelbagai bahasa, termasuklah Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol, Arab, Parsi, Melayu, Rusia, Hebrew yang merupakan bahasa-bahasa yang biasa digunakan dalam bidang Kajian Islam dan Kajian Oriental. Jurnal yang diperoleh Perpustakaan IKIM ini diterbitkan oleh pelbagai institusi Ilmiah dan penerbitan antarabangsa daripada seluruh dunia sepetimana jadual di bawah:

<b>Asia dan Timur Tengah</b>	<b>Eropah</b>	<b>Amerika dan Canada</b>
1. Islamabad (Pakistan, Quaid i-Azam University) 2. Tokyo (The TOHO Gakkai) 3. Singapore (Singapore University Press., Institute of Southeast Asian Studies, MB RAS) 4. Bombay (Kraus Reprint) 5. Beirut (Lebanon, Institute for Palestine Studies) 6. Jerusalem (Israel, Israel Exploration Society)	1. Abingdon (UK, Carfax Publishing Co.) 2. Manchester (UK, Manchester University Press, 3. Cambridge (UK, Cambridge University Press) 4. Durham (UK, Duke University Press) 5. Leeds (UK, University of Leeds) 6. London (UK, Lloyd's of London Press, Carfax Publishing House, Routledge Taylor & Francis group, SOAS, India Society etc.)	1. Boston (USA, American Schools of Oriental Research) 2. Berkeley, CA (USA, University of California Press) 3. Bethesda, MD (USA, Foundation for Iranian Studies) 4. Chicago (USA, Chicago University Press) 5. New York (Ithaca, NY, USA, Periodicals Service Company, Southeast Asia program Publications, NY University Press)

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

Asia dan Timur Tengah	Eropah	Amerika dan Canada
	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Oxford (UK, Oxford University Press, Pergamon Press, Blackwell Publishing Ltd.)</li><li>2. Dresden (Germany, Avalun Verlag Hellerau),</li><li>3. Wiesbaden (Germany, Otto Harrassowitz)</li><li>4. Berlin (Germany, Walter De Gruyter&amp;Co.)</li><li>5. Leipzig (Germany, Typis Drugulini)</li><li>6. Bern (Switzerland, A.G. France/Lang)</li><li>7. Chur (Switzerland, Haewood Academic Publisher)</li><li>8. Leiden (Netherland, E.J. Brill)</li><li>9. ‘s-Gravenhage (Hague, Netherland, Mouton&amp;Co.)</li><li>10. Turnout (Belgium, Brepols Publishers)</li><li>11. Madrid (Spain, Revista De Las Escuelas De Estudio Arabes)</li><li>12. Paris (France, Presses Universitaires de France)</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Michigan (USA University of Michigan Press, Wayne State University Press)</li><li>2. Cincinnati (USA, Hebrew Union College)</li><li>3. Ann Arbor, MI, New Haven Connecticut (USA, Yale University Press)</li><li>4. Los Angeles (USA, University of California)</li><li>5. Philadelphia (PA, USA, Middle East Center University of Pennsylvania)</li><li>6. Washington (USA, The Middle East Institute)</li><li>7. Quebec (Canada, World Heritage Press Inc.)</li></ol>

Jadual 1: Jurnal Penerbit Antarabangsa Yang Terdapat di IKIM

Kebanyakan jurnal tersebut diterbitkan oleh institusi-institusi ilmiah, pusat-pusat pendidikan dan kajian, muzium-muzium dan yang seumpamanya seperti Yale University, Cambridge, Oxford, School of Oriental and African Studies (SOAS), American School of Oriental Research, Chicago University, National University of Singapore (NUS), Duke University dan lain-lain. Terdapat juga jurnal yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit bebas terkemuka dan sangat berpengaruh dalam bidang penerbitan karya-karya ilmiah, misalnya: E.J. Brill Publishing House, Royal Asiatic Society, Carfax Publishing Company, SOAS Publishing House, Hardwood Academic Publisher, Otto Harrassowitz, Routledge Taylor & Francis dan lain-lain.

Dari sudut tema dan fokus utamanya, koleksi jurnal tersebut beraneka ragam dan menarik. Secara umumnya susunan koleksi boleh diklasifikasikan kepada beberapa bidang kajian utama seperti:

1. Kajian Umum (*General Studies*)
2. Kajian Daerah (*Regional Studies*)
3. Kajian Budaya dan Seni (*Art and Cultural Studies*)
4. Kajian Sejarah Purba dan Arkeologi (*Ancient History and Archaeology*)
5. Kajian Sejarah Islam (*Islamic History*)
6. Kajian Perbandingan (*Comparative Studies*)
7. Kajian Agama (*Religious Studies*)

Sekurang-kurangnya lapan jurnal dapat disenaraikan di bawah bidang Kajian Umum (*General Studies*) seperti: *Bibliotheca Orientalis* (1943 –2000), *Bulletin of the School of Oriental Studies* (London, 1917 – 1939), *Der Alte Orient* (*The Old Orient*, 1903 – 1945), *Die Welt des Islams: Internationale Zeitschrift für die Entwicklungsgeschichte des Islams, Besonders in der Gegenwart* (*The World of Islam: International Journal on the History of Islam with Special Focus on the Present Days*, 1951–1999); *Journal of Islamic Studies* (1942 – 2002), *Journal of the American Oriental Society* (JAOS, 1955 – 1971), *Journal of the Royal Asiatic Society* (1963 – 1997).

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

Jurnal *Bibliotheca Orientalis* terbitan Nederlandsch Instituut Voor Heet Nabije Oosten (Nederland's Near Eastern Studies Institute, Leiden) itu, diterbitkan sebanyak tiga kali setahun. Dalam setiap terbitan terdapat senarai lima puluh hingga enam puluh buah buku baharu serta beberapa makalah dan ulasan buku (*Book Review*). Subjek utamanya ialah sejarah purba (*Egyptology, Coptic and Nubian Studies, Assyriology, Hittitology, Hebrew and Old Testament Studies*), kajian mengenai arkeologi di Timur Tengah Lama, kajian mengenai orang Arab, Parsi dan Turki, dan kajian mengenai budaya dan adat-istiadat Timur Tengah secara umum. Buku-buku yang disebut atau dinilai dalam jurnal tersebut mengandungi banyak maklumat yang berguna untuk para Pengkaji Ketimuran (disebut “Orientalis”) secara keseluruhannya, membantu para pembaca mengemudi diri dalam lautan karya ilmiah yang diterbitkan di seluruh dunia, serta memberi peluang kepada mereka untuk memahami aliran utama dalam pelbagai bidang kajian Islam dan Kajian Ketimuran (*Oriental Studies*).

*Bulletin of the School of Oriental Studies* mulai diterbitkan dari tahun 1917 oleh Universiti London. Pada tahun 1940, judul jurnal ini ditukar kepada nama baharu iaitu *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London* yang dikekalkan sehingga kini. Jurnal tersebut terkenal dan terkemuka dalam bidang Kajian Ketimuran, termasuk kajian mengenai negara-negara di Asia, Timur dan Afrika. Dalamnya terdapat makalah-makalah tentang semua bidang termasuklah bahasa, budaya, sejarah, ekonomi, agama, seni dan lain-lain. Di perpustakaan IKIM, terdapat himpunan jurnal yang lengkap iaitu dari tahun 1917–1939 (tajuk yang lama) serta set dengan tajuk yang baharu mulai daripada tahun 1940 sehingga 2002.

*Journal of the American Oriental Society* pula diterbitkan sejak tahun 1843 oleh *American Oriental Society* dan *Yale University Press* (*Ann Arbor, Michigan, USA*). Setiap tahun dikeluarkan 3 atau 4 jilid. Jurnal tersebut merupakan terbitan bersiri berkenaan pelbagai bidang Kajian Ketimuran, termasuk bahasa, sastera, seni, musik, sejarah, budaya, adat-istiadat dan lain-lain—iaitu

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

semua bidang kajian yang dikuasai oleh para tokoh daripada American Oriental Society. Dalamnya terdapat juga penulisan tentang pelbagai budaya kebangsaan dan agama (Kristian, Islam, Buddhism, Hinduism, kepercayaan purba dan lain-lain) serta pelbagai kawasan dan daerah dari Timur Tengah hingga ke China, dari Asia Tengah hingga ke Australia dan Oceania, iaitu semua kawasan yang di bawah litupan definisi Kajian Ketimuran. Dalam Koleksi Tamadun Islam Perpustakaan IKIM juga disimpan set jurnal ini sejak 1843 sehingga 2005 iaitu selama 162 tahun.

Dalam bidang Kajian Daerah (*Regional Studies*) disenaraikan empat puluh enam jurnal, iaitu lebih separuh daripada jumlah keseluruhan koleksi jurnal tersebut. Bidang *Regional Studies* sebenarnya merupakan bidang yang paling penting dan paling banyak tersebar dalam Pengkajian Oriental di Barat. Kepentingan pengklasifikasian kajian dari sudut pandangan daerah (*region*) dipengaruhi oleh konsep ilmu Kajian Oriental Barat. Menurut konsep tersebut kriteria *daerah* merupakan unsur yang terpenting dalam klasifikasi kajian dalam semua bidang—sejarah, bahasa, seni, agama, adat istiadat dan lain-lain—kerana menurut konsep tersebut kesemua bidang ini merupakan sebahagian daripada definisi *budaya* (*culture*) dan termasuk di dalamnya. Semua agama (termasuk Islam) diiktiraf juga sebagai Agama Budaya (*Cultural Religion*).

Antara jurnal yang berkaitan dengan bidang Kajian Daerah yang paling banyak adalah penulisan mengenai Asia (22 tajuk) dan Timur Tengah (24 tajuk):

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

<b>Asia (22 tajuk)</b>	<b>Timur Tengah (24 tajuk)</b>
1. Asia Major (Germany, 1924 – 1975), 2. Asian Ethnicity (UK, 200 – 2005), 3. Asian Philosophy (UK, 1991 – 2001), 4. Asiatische Studien (Asian Studies, Germany, 1947 – 2000), 5. Bulletin of the Asia Institute (USA, 1987 – 2002), 6. Journal of Asian History (Germany, 1967 – 2001), 7. Modern Asian Studies (1967 – 2004)	1. Al-Andalus (Germany, Spain, 1933 – 1978), 2. Edebiyat: A Journal of Middle Eastern Literatures (USA – UK – Switzerland, 1976 – 2002), 3. International Journal of Middle East Studies (UK, 1970 – 1987), 4. Journal of Near Eastern Studies (USA, 1942 – 2002) 5. Middle East Studies Association Bulletin (UK, 1967 – 2003) 6. The Middle East Journal (USA, 1967 – 1995).
<b>Asia Tengah</b> 1. Central Asian Survey (UK, 1982 – 2005), 2. Central Asiatic Journal (USA – Germany, 1955 – 2001), 3. Journal of Central Asia/Asian Civilization (Pakistan, 1978 – 2000)	<b>Tanah Arab dan bangsa Arab</b> 1. al-Masaq (USA – UK, 1988 – 2005), 2. al-Qantara (Germany – Spain, 1980 – 1997), 3. Arab Law Quarterly (1985 – 2004), 4. Arab science and philosophy: historical journal (UK – USA, 1991 – 2004), Arab Study Quarterly (Germany, 1979 – 2005), 5. Arab Study Quarterly (Germany, 1979 – 2005) 6. Arabica (Netherland – USA – UK, 1954 – 1993) 7. Journal of Arabic literature (Netherland – UK, 1970 – 1974)
<b>Asia Timur</b> 1. Acta Asiatica (Tokyo, 1960 – 1983) 2. Position East Asia Cultures Critique (UK, 1993 – 2004)	

<b>Asia (22 tajuk)</b>	<b>Timur Tengah (24 tajuk)</b>
<p><b>Asia Selatan</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. South Asia: Journal of South Asian Studies (USA – UK, 1971 – 2005),</li><li>2. South Asia Research (USA – UK, 1981 – 2004),</li><li>3. South Asia Bulletin (USA – UK, 1981 – 1994),</li><li>4. The Journal of Bombay Branch of the Royal Asiatic Society (India, 1841 – 1923),</li><li>5. The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia (Singapore, 1847 – 1859)</li></ol> <p><b>Asia Tenggara</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Contemporary Southeast Asia (Singapore, 1979 – 2001)</li><li>2. Indonesia (USA, 1966 – 2004)</li><li>3. Journal of Malayan (Malaysian) Branch of Royal Asiatic Society (UK, 1923 – 2000),</li><li>4. Sojourn: Social Issues in Southeast Asia (Singapore, 1986 – 2001),</li><li>5. Southeast Asian Affairs (Singapore, 1974 – 2000)</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Proceedings of the Seminar for Arabian Studies (Belgium, 1971 – 2001),</li></ol> <p><b>Turki (Uthmaniyyah)</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Anatolian Studies (London, 1951 – 2002),</li></ol> <p><b>Iran</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Indo-Iranian Journal (USA, 1957 – 2001)</li><li>2. Iran (UK, 1963 – 1999),</li><li>3. Iran Nameh (USA, 1982 – 2002),</li><li>4. Iranian Studies (USA, 1968 – 2002),</li></ol> <p><b>Kajian Palestin dan Semitik</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. American Jewish Archives (USA, 1948 – 1995)</li><li>2. Israel Exploration Journal (Israel, 1950 – 1996),</li><li>3. Journal of Palestine Studies (UK, 1971 – 2006),</li><li>4. Journal of Semitic Studies, (UK, 1956 – 2001)</li><li>5. Palestine Exploration Quarterly (UK, 1869 – 2000)</li></ol>

Jadual 2: Koleksi Jurnal Kajian Daerah di IKIM

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

Dalam bidang Kajian Daerah ini, antara yang paling banyak ditemui adalah karya-karya tentang Tanah Arab, Iran, Asia Tengah, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Kajian Semitik. Benua Asia sememangnya merupakan satu subjek utama dalam kerangka Kajian Ketimuran. Sejak dahulu lagi kajian tersebut telah menarik perhatian ramai cendekiawan dari seluruh dunia. Hal tersebut dapat kita lihat jika kita memperhatikan susunan koleksi jurnal yang terdapat di Perpustakaan IKIM.

Kajian Asia pula meliputi pelbagai bidang dan negara. Ada juga Kajian Umum (*General Studies*) yang mempersembah penulisan tentang tamadun Asia secara umum. Kajian dari sudut pandangan global membantu menentukan ciri-ciri khas khazanah intelektual yang terdapat di Asia serta memahami ciri-ciri umum untuk seluruh ketamadunan Asia ini. Pendekatan tersebut selari dengan pandangan Islam perihal konsep “satu dalam kepelbagaian” (*wahdah fi kathrah*).

Jurnal *Asia Major* pula merupakan terbitan jurnal ilmiah yang terkemuka dari negara Jerman dan mengandungi bahan-bahan kajian tentang Asia Timur serta Timur Jauh (*Far East*). Jurnal ini diasaskan oleh seorang Orientalis (*Sinologist*) Jerman yang bernama Bruno Shindler (1882 – 1964)<sup>1</sup> pada tahun 1924 (*Original Series*). Pada tahun 1933, selepas kemunculan golongan Nazi di Jerman, Bruno Shindler berpindah ke Great Britain dan di sana beliau meneruskan semula terbitan tersebut (*Second Series*, tahun 1949 – 1975). Sejak tahun 1975 penerbitan jurnal *Asia Major* (*Third series*) diteruskan di Princeton University (USA). Kemudian, sejak tahun 1998 diterbitkan pula di Taiwan oleh Academia Sinica.<sup>2</sup>

Dalam jurnal *Asia Major* ini dihuraikan hasil-hasil kajian ilmiah oleh para Orientalis Jerman dalam dua Bahasa: Inggeris dan Jerman. Antara subjek atau tema utama adalah sejarah

- 
1. Walter Simon, “Obituary of Dr. Bruno Schindler,” *Asia Major* (New Series) 11, no. 2 (1965): 93–100.
  2. Untuk maklumat lanjut mengenai Academia Sinica, sila layari: <https://www.sinica.edu.tw/en>.

purba dan arkeologi, bahasa dan persuratan, sejarah dan kajian agama serta pelbagai bidang kajian ilmu sosial yang lain. Perpustakaan IKIM memperolehi set ini dari jilid 1 pada tahun 1924 sehingga tahun 1975<sup>3</sup>.

Jurnal *Asiatische Studien (Asian Studies)* merupakan terbitan yang dianjurkan oleh Persatuan Kajian Asia dari Switzerland (*Schweizerischen Gesellschaft für Asienkunde*)<sup>4</sup>. Persatuan tersebut ditubuhkan untuk mempromosikan kajian Asia di Switzerland. Jurnal ini memberi ruang kepada para penyelidik dalam pelbagai bidang kajian Asia terutama dalam bidang agama dan peradaban. Jurnal ini diterbitkan di Bern sejak tahun 1947 dalam dua Bahasa—Bahasa Jerman dan Bahasa Perancis. Terdapat juga makalah yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Perpustakaan IKIM memperolehi set ini dari tahun 1949 sehingga 2000.<sup>5</sup>

*Bulletin of the Asia Institute*<sup>6</sup> diterbitkan oleh College of Liberal Arts and Department of Art and Art History, Wayne State University (Detroit Michigan, USA).<sup>7</sup> Jurnal dengan tajuk ini diterbitkan sejak 1987 akan tetapi merupakan sambungan baru kepada *Bulletin of the American Institute for Persian Art and Archaeology* (1931) dan kepada *Bulletin of the Asia Institute of Pahlavi University* (1969). Dalam tempoh masa sejak 1987 sehingga 2012 jurnal ini telah menghasilkan dua puluh enam jilid yang bergambar. Perpustakaan IKIM memperoleh set sehingga tahun 2002 (iaitu 16 jilid). Fokus utama jurnal ini adalah seni dan sejarah purba, kajian arkeologi di Asia (terutama di Asia Barat), kajian Bahasa (linguistik dan etimologi), sejarah dan historiografi pada Zaman

- 
3. Majalah *Asia Major* masih diterbitkan. Sila layari <https://www.jstor.org/journal/asiamajor>
  4. Untuk maklumat lanjut mengenai Schweizerischen Gesellschaft für Asienkunde sila layari: <https://sagw.ch/asiengesellschaft/die-gesellschaft/geschichte/>
  5. Majalah *Asiatische Studien* masih diterbitkan. Sila layari: <http://ancientworldonline.blogspot.my/2011/10/open-access-journal-asiatische-studien.html>
  6. Majalah *Bulletin of the Asia Institute* pernah diterbitkan sejak 1987 hingga 2012 . Sila layari: <http://www.bulletinasiainstitute.org/>
  7. Sila layari: <https://clas.wayne.edu/>

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

Pertengahan, juga kajian agama dan masyarakat. Keistimewaan jurnal tersebut adalah kerana terdapat dalamnya gambar-gambar nadir yang berkualiti tinggi.

*Journal of Asian History* pula merupakan salah satu terbitan yang amat terkenal dan berwibawa.<sup>8</sup> Diterbitkan sejak 1967 oleh Harrassowitz Verlag (Wiesbaden, Germany). Fokus utamanya adalah kajian sejarah, historiografi serta sumber-sumber dan artifak sejarah sebelum 1900 dari seluruh kawasan Asia. Keistimewaan jurnal tersebut adalah kajian mengenai sejarah sebagai bidang ilmu teoretikal, termasuk kaedah-kaedah dalam pengkajian sejarah, konsep dan Pandangan Alam Islami (*Islamic worldview*) sejarah. Salah satu kaedah yang digunakan dan dipromosikan oleh jurnal tersebut adalah pendekatan “*Through the Looking Glass*” iaitu kajian sejarah dan historiografi yang amat komprehensif, berasaskan pelbagai bidang ilmu, sumber-sumber dan kaedah-kaedah penyelidikan. Kebanyakan kandungan jurnal ini ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman.

Jurnal *Acta Asiatica* merupakan jurnal yang menghuraikan hasil kajian tentang Asia Timur. *Acta Asiatica* diterbitkan oleh Institut Budaya Timur di Tokyo (*The Institute Eastern Culture Toho Gokkai*)<sup>9</sup> sejak tahun 1960. Fokus utamanya adalah kajian mengenai Jepun dan Cina. Walau bagaimanapun para sarjana Jepun juga minat mengkaji kawasan Asia Tengah (Transoxania), sejarah India pada zaman Moghul, sejarah orang Muslim seperti Uyghur, Tatar dan Melayu, juga sejarah kerajaan Seljuk, Moghul dan lain-lain. Terdapat juga kajian mengenai tasawuf dibincangkan dalam jurnal ini. Perpustakaan IKIM memperolehi empat puluh enam jilid jurnal tersebut.

Seterusnya, dalam koleksi Tamadun Islam IKIM terdapat beberapa jurnal mengenai Timur Tengah dan Tanah Arab. Jurnal *al-Andalus: Revista de la Escuelas de Estudios Árabes de Madrid*

- 
8. Majalah masih diterbitkan. Sila layari: <https://www.jstor.org/journal/jasiahist>
  9. Untuk maklumat lanjut sila layari: <http://www.tohogakkai.com/e-top.html>

*y Granada (Al-Andalus: Magazine of the Schools of Arab Studies of Madrid and Granada)* diterbitkan oleh Institut Kajian Arab di Madrid dan Granada (Sepanyol) sejak 1933 sehingga 1978. Keseluruhan jurnal ini mengandungi empat puluh tiga jilid. Jurnal ini merupakan penerbitan hasil daripada kajian Orientalis dalam Bahasa Sepanyol. Fokus utamanya adalah seni dan tamadun Islam di kawasan Andalus, Granada, Eropah Selatan dan Laut Mediterranean.

Jurnal *Anatolian Studies* (Kajian Anatolia) pula diterbitkan oleh British Institute of Archaeology di Ankara (BIAA, Turkey)<sup>10</sup> sejak tahun 1951. Perpustakaan IKIM memperoleh set ini sehingga tahun 2002, iaitu lima puluh tahun. Tema atau subjek utamanya adalah sejarah purba, arkeologi, epigrafi, topografi, ilmu sains dan teknologi lama serta kajian sumber sejarah yang lain terutama artifak-artifak arkeologi. Selain penulisan dan kajian ilmiah, setiap jilid jurnal ini mengandungi laporan kewangan BIAA dan aktiviti yang dilaksanakan dibawah naungan institusi tersebut. Dari sudut susunan dan taraf ilmiah bahan-bahan yang terdapat dalamnya, jurnal *Anatolian Studies* ini dianggap sebagai teladan bagi jurnal akademik.

Jurnal *Arabic Science and Philosophy: A Historical Journal* (Ilmu dan Falsafah Arab: Sebuah Jurnal Sejarah) merupakan salah satu terbitan terkemuka dalam bidang kajian Arab. Jurnal ini diterbitkan oleh Cambridge University Press<sup>11</sup> sejak tahun 1991. Perpustakaan IKIM memperolehi set ini sehingga tahun 2004.<sup>12</sup> Fokus utama jurnal ini adalah kajian rentas disiplin dan perbandingan tradisi ilmiah dalam tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain, termasuk tradisi Barat, Hebrew, India, China dan lain-lain. Antara bidang kajian yang dihuraikan adalah

- 
10. Untuk maklumat lanjut mengenai British Institute of Archaeology sila layari: <https://biaa.ac.uk/>
  11. Cambridge University Press (CUP) adalah syarikat perniagaan penerbitan di bawah Universiti Cambridge yang diberikan hak paten oleh Raja Henry VIII pada tahun 1534. Ia adalah syarikat penerbitan tertua di dunia selepas Oxford University Press (OUP).
  12. Sekiranya turut diambil kira versi elektronik jurnal ini dalam koleksi Perpustakaan IKIM, maka IKIM memiliki set lengkap jurnal ini.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

sejarah ilmu dan sains berdasarkan sumber-sumber sejarah; ilmu falsafah (sejarah); kajian pelbagai konsep falsafah Islam; astronomi dalam perspektif sejarah, kalam, matematik, analisis perbandingan sejarah sains Islam dan tamadun lain (Barat, India, China dan lain-lain); terjemahan kitab-kitab ilmiah Islam kepada Bahasa-bahasa lain (terutama zaman kuno: Latin, Inggeris dan lain-lain); terbitan dokumen-dokumen (sumber primer) dengan catatan dan terjemahan. Kini, pendekatan kajian merentas disiplin ini adalah amat penting dalam kerangka dunia global kerana ia membantu memperluas sudut pandang para tokoh akademik yang lazimnya menumpukan perhatian kepada bidang masing-masing sahaja serta kehilangan perspektif global (iaitu pendekatan universal). Kebanyakan makalah dalam jurnal ini ditulis dalam Bahasa Inggeris.

*Jurnal Arabica Revue d'Etudes Arabes (Journal of Arabic and Islamic Studies)* merupakan satu lagi jurnal akademik yang sangat berwibawa dan terkenal. Diterbitkan oleh Brill Publishers<sup>13</sup> dan Service Periodic Company sejak 1954 di Leiden. Dalam koleksi Perpustakaan IKIM terdapat set jurnal ini sehingga tahun 1993. Antara pengarang yang pernah menyumbang kepada jurnal ini adalah tokoh terkemuka dalam bidang Kajian Ketimuran dan Kajian Islam, seperti Louis Massignon, H.A.R. Gibb, E. Levi-Provencal, R. Blachere, Clod Kahn, Dominique Sourdel, G. Troupeau dan lain-lain. Jurnal ini mengandungi bahan-bahan dalam pelbagai bahasa: Perancis, Inggeris, Belanda, Jerman dan lain-lain. Fokus utamanya adalah bidang kajian mengenai bahasa, sastera, sejarah, pemikiran dan tamadun Arab dari zaman dahulu hingga kini.

*Indo-Iranian Journal (IIJ)* merupakan jurnal terbitan yang berwibawa dalam bidang kajian Iran dan kawasan Asia Selatan. Jurnal tersebut diasaskan pada tahun 1957 sebagai terbitan akademik yang memfokuskan kepada kajian Bahasa Indo-Iranica

---

13. Brill ialah penerbit antarabangsa dari Belanda yang diasaskan pada tahun 1683 di Leiden dengan memiliki pejabat-pejabat di Leiden, Boston, Paderborn dan Singapura. Hari ini, Brill telah menerbitkan 275 jurnal dan sekitar 1200 buku baharu dan rujukan setiap tahun.

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

(Sanskrit, Avesta, Indo-Aryan dan lain-lain), adat-istiadat dan kepercayaan purba, dan kajian mengenai agama-agama India (Veda, Hindu-Buddha Jainism dan lain-lain). Dalamnya terdapat juga bahan-bahan mengenai sejarah Zaman Pertengahan dan Pra-Moden. Diterbitkan dalam Bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman oleh Penerbit Mouton & Co. (Hague) dan Brill Publishers. Perpustakaan IKIM berjaya memperoleh set dari tahun pertama penerbitan (1957) hingga 2001.

Terdapat satu lagi jurnal yang mempersembah hasil-hasil Kajian Iran iaitu bahan-bahan ilmiah mengenai sejarah dan budaya Iran dan seluruh rantau Parsi (iaitu Afghanistan, Asia Tengah, India, Caucasus dan lain-lain). Tajuknya adalah *Iranian Studies: Bulletin of Society for Iranian Cultural and Social Studies*. Jurnal ini diasaskan oleh *American Society for Iranian Cultural and Social Studies* (California, USA) dan diterbitkan oleh Taylor & Francis Ltd. sejak tahun 1967. Fokus utamanya adalah bahasa, sastera, sejarah, budaya, serta hal ehwal ekonomi, sosio-ekonomi dan politik. Menurut objektifnya, jurnal ini memberi ruang kepada semua yang berminat untuk mengkaji Iran dan budaya Parsi untuk berkongsi hasil-hasil kajian para tokoh dan menyebarkan dapatan ilmiah yang terbaru sehingga memudahkan akses kepada bahan-bahan tersebut oleh para mahasiswa dan para pembaca umum. Perpustakaan IKIM memperoleh set terbitan ini daripada 1967 sehingga 2002.

Salah satu keistimewaan Koleksi Tamadun Islam di Perpustakaan IKIM adalah kumpulan bahan yang berkaitan dengan bidang kajian Palestin dan orang Yahudi (*Hebrew Studies, Semitic Studies, Palestinian Studies* dan lain-lain). Kajian mengenai sejarah dan budaya orang Yahudi dan Palestin mengandungi banyak maklumat yang amat penting dalam usaha membina semula sejarah Islam dan memahami tamadun Islam serta sumbangan Islam kepada umat manusia.

Perpustakaan IKIM turut memiliki set jurnal *Palestine Exploration Quarterly (PEQ)*<sup>14</sup> mulai dari jilid pertama yang

---

14. *Palestine Exploration Quarterly* masih dikeluarkan. Sila layari: <https://www.pef.org.uk/quarterly/>.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

diterbitkan di London pada tahun 1896 sehingga jilid 132 (tahun 2000). Jurnal tersebut diasaskan oleh *Palestine Exploration Fund* (Dana Penerokaan Palestine) yang merupakan salah sebuah syarikat terawal yang muncul pada tahun 1865 dengan tujuan menyokong kajian ilmiah yang berkaitan dengan Tanah Suci (*Holy Land*). Sejak tahun 1869, syarikat tersebut mula menerbitkan *Palestine Exploration Fund Quarterly* iaitu laporan kajian yang dilakukan di bawah naungan dana tersebut. Fokus utamanya adalah bidang arkeologi dan Sejarah Palestin Purba. Jurnal tersebut juga mengandungi makalah-makalah tentang kawasan sekitar iaitu Syams, Syria, Laut Mediterranean dan lain-lain. Antara subjek kajian utamanya adalah kajian bahasa, etnologi, ilmu bumi, toponimi dan onomastics, seni, seni bina dan lain-lain. Ada juga kajian mengenai seramik dan artifak purba, kajian teks-teks purba dan epigraf (inskripsi-inskripsi dan bahan-bahan bersurat), kajian bahan-bahan arkib, ulasan buku, kajian mengenai budaya dan agama, termasuk sejarah agama Kristian dan Islam di Palestin dan lain-lain.

*Israel Exploration Journal (IEJ)*<sup>15</sup> mempunyai tema dan subjek yang hampir sama iaitu kajian mengenai kawasan Palestin dan Israel, Laut Mediterranean dan Laut Mati, Lubnan dan kawasan Iraq Purba akan tetapi jurnal tersebut merupakan jurnal akademik dan ilmiah dengan fokus yang lebih luas, termasuk kajian masa kini dalam bidang agama dan kepercayaan, industri dan teknologi, ekonomi dan perdagangan, serta bidang-bidang kontemporari yang lain. IEJ diasaskan pada tahun 1950 oleh *Israel Exploration Society*<sup>16</sup> dengan tujuan menyokong dan menyebarkan kajian dan data-data tentang sejarah dan budaya Israel dan Palestin.

- 
15. *Israel Exploration Journal* masih diterbitkan: Sila layari <https://www.jstor.org/journal/israexplj>.
  16. Untuk maklumat lanjut mengenai *Israel Exploration Society* sila layari: <http://israelexplorationsociety.huji.ac.il/>.

*Journal of Semitic Studies*<sup>17</sup> diterbitkan oleh Manchester University Press sejak 1956. Jurnal tersebut merupakan sebuah jurnal ilmiah dan akademik. Dalamnya terdapat bahan-bahan berkenaan bahasa dan sastera, sejarah dan arkeologi, budaya dan seni yang berkaitan dengan bangsa-bangsa Semitik, iaitu orang Arab, Yahudi, Akkadian, Aramean dan lain-lain. Setiap jilid turut mengandungi ulasan buku dan jurnal. Di Perpustakaan IKIM tersimpan satu set jurnal dari jilid 1 (1956) hingga jilid 66 (2001). Fokus utama bahan-bahan yang diterbitkan dalam *Journal of Semitic Studies* adalah kajian perbandingan pelbagai aspek tamadun yang berakar dalam tradisi Semitik. Antara yang menarik dalam isi kandungannya adalah kajian asal-usul dan etimologi kosa kata dalam Bahasa Hebrew, Bahasa Arab dan Bahasa Arameik, kaedah-kaedah dan cara kajian teks dalam bahasa-bahasa Semitik, dan pelbagai aspek budaya dan tamadun setiap satu bangsa yang digolongkan ke dalam keluarga Semitik. Jurnal tersebut memberi sudut pandangan yang berbeza terhadap hal-ehwal tamadun dan sejarah agama di daerah Timur Tengah.

*Journal of Palestinian Studies (A Quarterly on Palestinian Affairs and the Arab-Israeli Conflict)*<sup>18</sup> pula menumpukan perhatian kepada hal ehwal masa kini, iaitu peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta tentang peperangan di Palestin antara bangsa Arab dan bangsa Yahudi. Jurnal ini diterbitkan di Beirut (Lubnan) oleh *The Institute for the Palestine Studies*<sup>19</sup> dan Universiti Kuwait sejak tahun 1971. Fokus utama jurnal ini adalah kajian konflik-konflik global serta lokal dengan rujukan kepada pelbagai aspek kajian sosial—sejarah, budaya, ilmu politik dan lain-lain. Jurnal ini memberi

- 
17. *Journal of Semitic Studies* masih diterbitkan. Sila layari <https://academic.oup.com/jss>.
  18. *Journal of Palestinian Studies* masih diterbitkan. Sila layari <http://www.palestine-studies.org/jps/issue>
  19. *The Institute for the Palestine Studies* (Lubnan) merupakan institusi bebas dan tidak berasaskan keuntungan yang tertua di Lubnan yang menumpukan perhatian kepada kajian konflik Arab-Israel dan hal-ehwal Palestine. Didirikan pada tahun 1963. Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://www.palestine-studies.org/content/history>.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

peluang dan ruang untuk membincangkan secara mendalam cabaran-cabaran dan isu-isu semasa, khususnya di Palestin. Penerbitannya dalam bahasa Inggeris dapat menyampaikan sudut pandang semua pihak yang terlibat dalam konflik tersebut, terutama orang Arab Palestin yang kebiasaannya kurang peluang untuk bersuara.

*The American Jewish Archives Journal (AJA)*<sup>20</sup> yang diterbitkan oleh *American Jewish Archives*<sup>21</sup> dan The Hebrew Union College (USA, Cincinnati) sejak tahun 1948 merupakan satu lagi terbitan yang memberi fokus kepada sejarah moden dan isu-isu semasa. Perpustakaan IKIM memperoleh set jurnal ini dari edisi awalnya sehingga tahun 1995. Menurut penerbitnya, tujuan utama jurnal ini diterbitkan adalah menyebarkan ilmu dan maklumat sebenar tentang sejarah, budaya dan agama umat manusia, mulai dari kepercayaan primitif sehingga kepada agama-agama Yahudi, Kristian dan Islam berasaskan kaedah-kaedah ilmiah dan objektif. Setiap jilid mengandungi bahagian Ulasan Buku (*Book Review*) dengan penjelasan yang terperinci berkenaan karangan-karangan ilmiah yang terbaru. Terdapat juga bahagian istimewa yang dinamakan *Documents*, yang mengandungi pelbagai dokumen arkib dan sumber primer yang lain. Antara fokus utama jurnal ini adalah sejarah bangsa Yahudi di Amerika dan kajian perbandingan pelbagai agama, termasuk agama Islam. Terdapat juga bahan-bahan mengenai seni, sastera, ekonomi dan perdagangan, falsafah dan agama. Sejarah Islam juga turut disentuh dalam kerangka kajian sejarah bangsa Yahudi terutama dalam kajian mengenai golongan *Yahudi Sephard*. Sebagai contoh, dalam petikan di bawah ini terdapat maklumat yang amat menarik tentang kehidupan orang Yahudi ketika

- 
20. *The American Jewish Archives Journal* masih diterbitkan. Sila layari: <http://americanjewisharchives.org/publications/journal/>.
  21. *The Jacob Rader Marcus Center of The American Jewish Archives* merupakan pusat kajian sejarah di kampus Hebrew Union College and Jewish Institute of Religion di Cincinnati Universiti (AS). Didirikan pada tahun 1947 oleh seorang ahli sejarah Dr. Jacob Rader Marcus (1896 – 1995), bagi menyimpan, mengumpul dan mempromosikan data-data mengenai sejarah dan budaya orang Yahudi di kawasan Hemisfer Barat. Untuk maklumat lanjut sila layari: <http://americanjewisharchives.org>.

berada di bawah pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyyah:

The great majority of the Sephardic immigrants came from lands in the Ottoman Empire where, in the fifteenth century, their ancestors had been made welcome by the sultans, following the expulsion of Jews from Spain and Portugal. During their five-hundred-year sojourn in the Ottoman Empire, they had not been subjected to discrimination, anti-Semitism, or massacre. On the contrary, they had been granted freedom of religious observance under their semi-autonomous communal organizations, and the chief rabbi of each community had been recognized by the Ottoman government. Chief rabbis had the authority to enforce Jewish religious observances in regard to the dietary laws, Sabbath and holidays, marriage, divorce, circumcision, and burial. Jews were permitted to conduct their own community schools and to educate their children, using any language they desired. Moreover, they had the right to engage in any legal trade, occupation, or career, and to buy, sell, and own real property.<sup>22</sup>

Maklumat seperti ini amat berguna dalam menjawab prasangka tentang isu anti-Yahudi (*anti-Semitism*).

Koleksi Tamadun Islam di perpustakaan IKIM juga mengandungi jurnal-jurnal dalam bidang Kajian Asia Tengah (*Central Asia*), antaranya *Journal of Central Asia* (kini diterbitkan dengan tajuk yang lain iaitu *Journal of Asian Civilizations*) yang diasaskan oleh Pusat Kajian Tamadun Asia Tengah (*Centre for the Study of the Civilizations of Central Asia*)<sup>23</sup> di bawah naungan Quaid-i-Azam University di Islamabad, Pakistan. Edisi pertama

- 
22. Albert J. Amateau, "The Sephardic Immigrant from Bulgaria: A Personal Profile of Moise Gadol," *The American Jewish Archives Journal* 42, no. 1, (1990), 57 – 70.
  23. *Centre for the Study of the Civilizations of Central Asia* atau *Taxila Institute of Asian Civilizations* didirikan pada tahun 1967 di Islamabad (Pakistan) untuk bekerjasama dengan UNESCO dalam bidang kajian Tamadun Asia. Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://en.unesco.org/silkroad/silk-road-institutions/taxila-institute-asian-civilisations-tiac>

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

diterbitkan pada bulan Julai 1978 dengan dedikasi khas kepada Babajan Gafurov (1908 – 1977) seorang cendekiawan bangsa Tajik dan Pengarah Moscow Institute of Oriental Studies sejak tahun 1956. Jurnal ini memberi fokus kepada kajian sejarah dan tamadun Asia Tengah dari Zaman Purba hingga ke Zaman Soviet. Dalamnya terdapat makalah-makalah mengenai arkeologi, seni, sejarah etnik dan antropologi, seni bina dan epigrafi, adat-istiadat, persuratan dan lain-lain, selain banyak maklumat tentang sejarah dan tamadun Islam. Semua makalah ditulis dalam Bahasa Inggeris. Keistimewaan jurnal ini adalah kerana dalamnya diterbitkan juga hasil-hasil kajian dan tulisan tokoh-tokoh daripada bekas Kesatuan Soviet, iaitu Rusia, Uzbekistan, Tajikistan, Kazakhstan, Kyrgystan dan lain-lain, yang jarang dapat ditemui dan dibaca dalam Bahasa Inggeris.

*Central Asiatic Journal (CAJ)* diterbitkan sejak 1955 oleh Otto Harrassowitz (Wiesbaden) dan Mouton & Co. (the Hague) di Belanda. Jurnal ini merupakan terbitan bebas yang merujuk kepada cendekiawan yang terlibat dalam kajian bahasa, sastera, sejarah dan arkeologi di Asia Tengah, termasuk Mongolia, Turkistan, Tibet, Manchuria, Siberia Selatan dan Asia Barat. Kebanyakan penulisan memberi fokus kepada zaman Pertengahan dan zaman Pra-Moden dan Moden. Sejak tahun 1980-an susulan keruntuhan Kesatuan Soviet, jurnal ini turut memberikan perhatian kepada bahan-bahan yang berkaitan pelbagai isu dan situasi semasa. *CAJ* mengandungi penulisan dalam pelbagai Bahasa—Inggeris, Turki, Jerman, Rusia, Perancis dan lain-lain, termasuk bahasa-bahasa negara Asia Tengah. Perpustakaan IKIM memperoleh set ini dari jilid yang pertama (1955) sehingga jilid ke-45 (2001)<sup>24</sup>.

Jurnal *Central Asian Survey*<sup>25</sup> diterbitkan sejak tahun 1982 oleh Routledge Taylor & Francis Group<sup>26</sup>. Jurnal yang diterbit dalam Bahasa Inggeris ini pada awalnya memberi fokus kepada Asia Tengah sahaja, namun penerbit kemudiannya meluaskan

- 
24. *Central Asiatic Journal (CAJ)* masih diterbitkan. Sila layari <https://www.jstor.org/journal/centasiaj>.
  25. *Central Asian Survey* masih diterbitkan. Sila layari <https://www.tandfonline.com/loi/ccas20>
  26. Dicetak semula oleh Periodicals Service Company, Germantown, NY

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

subjek dan tema jurnal tersebut dan memasukkan juga bahan-bahan mengenai Caucasus dan Azerbaijan serta daerah Tatar-Bashkir di Sungai Volga Tengah. Kesemuanya merupakan kawasan penyebaran Bahasa Turki dan kebanyakannya adalah kawasan yang didiami oleh orang-orang Islam. Dalam jurnal tersebut terdapat banyak bahan kajian mengenai situasi terkini, terutama dari sudut pandangan kajian sosiologi, politologi, kajian perbandingan ekonomi dan sejarah moden. Setiap jilid turut mengandungi bahagian ulasan buku. Perpustakaan IKIM menyimpan set jurnal ini dari tahun awal penerbitannya (1982) sehingga tahun 2005.

Para pengumpul Koleksi Tamadun Islam IKIM ini adalah pakar dalam pelbagai bidang kajian Islam dan telah memberikan perhatian kepada kawasan-kawasan yang biasanya dikaitkan dengan tamadun Islam iaitu negara-negara Arab, Iran, Turki, Mesir, Maghribi, Asia Tengah, Asia Selatan dan lain-lain. Justeru, kebanyakan bahan yang dikumpul oleh mereka sangat berkait rapat dengan kawasan-kawasan tersebut.

Dalam Koleksi Tamadun Islam ini terdapat juga jurnal-jurnal yang memberikan fokus kepada Kajian Asia Tenggara, termasuklah Alam Melayu. Hal ini membuktikan bahawa Kajian Asia Tenggara ini dianggap sebagai bidang yang wajib dikuasai dalam kerangka Kajian Islam di Barat. Perpustakaan IKIM memiliki lima set jurnal yang menumpukan perhatian kepada Asia Tenggara dan Alam Melayu. Senarai tajuknya adalah seperti berikut:

1. *Contemporary Southeast Asia* (sejak 1979, ISEAS, Singapore University Press, Singapore)
2. *Indonesia* (sejak 1966, Southeast Asia Program Publications, Ithaca, New York)
3. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (MBRAS, sejak 1923, MBRAS, Singapore)
4. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (JSBRAS, 1877, MBRAS, Singapore)

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

5. *Sojourn: Social Issues of Southeast Asia* (sejak 1986, ISEAS, Singapore)
6. *Southeast Asian Affairs* (sejak 1974, ISEAS, Singapore)

Terdapat banyak bahan kajian mengenai sejarah dan tamadun Islam di Alam Melayu yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal yang dianjurkan oleh Royal Asiatic Society, iaitu JMBRAS dan JSBRAS yang merupakan terbitan bersiri yang tertua yang memberikan fokus kepada Kajian Asia Tenggara. Isu-isu semasa serta kajian dalam bidang politik dan kajian masyarakat (*social studies*) dihuraikan secara lebih terperinci dalam kerangka terbitan bersiri dari Institut Yusof Ishak<sup>27</sup>.

### **Kajian Berkanaan Agama**

Jurnal yang berkaitan dengan kajian agama dalam Koleksi Tamadun Islam Perpustakaan IKIM boleh dibahagikan kepada tiga bahagian:<sup>28</sup>

Jurnal yang memberi fokus kepada agama Islam (enam set):

1. *Der Islam* (sejak 1910, Strassburg, France)
  2. *Muslim World* (sejak 1911, Hartford Seminary, Connecticut, USA)
  3. *The World of Islam* (sejak 1951, E.J.Brill, Leiden)
  4. *The Islamic Quarterly* (sejak 1954, The Islamic Cultural Centre, London)
  5. *Al-Masaq: Islam and the Medieval Mediterranean* (sejak 1988, Germantown, New York, USA)
- 
27. Institusi tersebut didirikan pada tahun 1968 sebagai *Institute of Southeast Asian Studies* (ISEAS). Nama Yusof Ishak diberikan kepada institusi tersebut pada tahun 2015.
  28. Yang disenaraikan di sini adalah jurnal yang ada sebutan kajian agama dalam tajuk utamanya. Sebenarnya, bahan-bahan mengenai agama tidak terbatas kepada senarai jurnal tersebut. Hasil kajian mengenai isu-isu agama lazim diterbitkan juga dalam pelbagai jurnal yang lain yang berfokuskan kajian umum, kajian kawasan, kajian seni, kajian sejarah dan lain-lain.

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

6. *Journal of Islamic Studies* (sejak 1990, Oxford Centre of Islamic Studies, Oxford, UK)

Jurnal yang memberi fokus kepada agama-agama lain (tiga set):

1. *International Journal of Hindu Studies* (sejak 1997, Springer Science Business media, Berlin, Germany)
2. *Studies in Central and East Asian Religions* (sejak 1988, Institute of Buddhist Studies, Copenhagen and Aarhus, Denmark)
3. *Contemporary Buddhism: An Interdisciplinary Journal* (Sejak 2000, Germantown, N/Y, Abingdon, Routledge, UK, USA)

Jurnal yang mempersempah hasil-hasil kajian perbandingan (tiga set):

1. *Islam and Christian-Muslim Relations* (sejak 1990, Centre for the Study of Islam and Christian-Muslim Relations, CSIC, Selly Oak Colleges, Birmingham, Abingdon, UK)
2. *Medieval Encounters: Jewish, Christian and Muslim Culture in Confluence and Dialogue* (sejak 1995, Brill, University of Michigan, USA)
3. *Numen: International Review for the History of Religions* (sejak 1954, Brill, Leiden)

### **Jurnal yang Memberikan Fokus kepada Agama Islam**

Jurnal *Der Islam: Zeitschrift für Geschichte und Kultur des Islamischen Orients (Islam: On the History and Culture of the Islamic Orient)* merupakan terbitan yang amat terkenal dan berwibawa. Jurnal tersebut didirikan oleh Carl Heinrich Becker (1876–1933)<sup>29</sup>

---

29. Untuk maklumat lanjut mengenai C.H. Becker sila rujuk Alexander Haridi, *Das Paradigma der “islamischen Zivilisation”—Oder die Begründung der deutschen Islamwissenschaft durch Carl Heinrich Becker (1876–1933)*. (MISK—Mitteilungen zur Sozial-und Kulturgeschichte der islamischen Welt, 19.) Wurzburg: Ergon Verlag, 2005. 204 pp

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

—seorang Orientalis daripada German, pakar dalam bidang sejarah dan budaya Islam. Jurnal ini diterbitkan sejak tahun 1910 di Strasbourg. Dalamnya terdapat kajian mengenai sejarah, sastera, seni, masyarakat dan tamadun Islam sebelum zaman modenisme iaitu sebelum kurun ke-19. Kajian ini meliputi kawasan yang amat luas—from Semenanjung Iberia hingga ke Asia Tengah, termasuklah Timur Tengah, Mesir, Iran, Turki, Tanah Arab, Selatan Eropah dan lain-lain. Makalah yang terdapat dalam jurnal ini dikarang dalam Bahasa Jerman dan Inggeris. Antara para pengarang yang pernah menyumbang kepada jurnal ini adalah Th. Nolddeke, Ig. Goldziher, F. Schmidt, F. Rozenthal, A. Schimmel dan lain-lain. Perpustakaan IKIM memiliki set jurnal ini sebanyak 82 jilid (sehingga 2005).<sup>30</sup>

Jurnal *Muslim World* diterbitkan sejak 1911 oleh Hartford Seminary.<sup>31</sup> Fokus utamanya adalah kajian tamadun Islam sezaman, termasuk sastera dan pemikiran. Selain memberi liputan ilmiah terhadap isu-isu global, keistimewaan jurnal ini adalah pada hal ehwal hubungan antara orang Kristian dan orang Islam serta hasil kajian yang dikarang oleh para mualigh agama Kristian. Setiap jilid mengandungi makalah ilmiah, penerbitan teks-teks dan terjemahan, ulasan-ulasan terhadap buku-buku baharu, berita-berita daripada para mualigh, serta maklumat ringkas tentang beberapa peristiwa dan persidangan ilmiah.<sup>32</sup>

Jurnal *Die Welt des Islams (the World of Islam)* merupakan jurnal antarabangsa mengenai sejarah perkembangan Islam (sejak kurun ke-18) dan isu-isu Islam semasa.<sup>33</sup> Jurnal ini diterbitkan sejak 1951 di Leiden oleh penerbitnya E.J. Brill. Menurut keterangan penerbit tersebut, fokus utama jurnal ini

- 
30. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://www.degruyter.com/view/j/islm#>
  31. Hartford Seminary institusi pendidikan agama di Hartford, Connecticut, USA. Wujud sejak 1834. Sila layari: <https://www.hartsem.edu>
  32. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://onlinelibrary.wiley.com/journal/14781913>.
  33. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://brill.com/view/journals/wdi/wdi-overview.xml>

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

adalah bidang sastera dan tradisi penulisan dalam Islam. Bahan-bahan yang terkandung dalam jurnal ini dikarang dalam tiga bahasa: Bahasa Jerman, Inggeris dan Perancis. Jurnal ini dapat ditemui di pelbagai perpustakaan ilmiah di seluruh dunia. Ramai para sarjana terkemuka yang telah menyumbang kepada jurnal ini termasuklah A. Schimmel, Bernard Lewis, M. Rodinson, dan M. Cooke. Kerangka perbahasananya memberi ruang dan peluang kepada para penulis untuk menerbitkan karya yang lebih luas isi kandungannya berbanding makalah biasa. Misalnya, Gotthard Jaschke, “Der Islam in der neuen Turkei (Islam in new Turkey,” jilid 1, 1951, 174 ms.); Muhammad Ali Hachicho, “English Travel Book about the Arab Near East in the Eighteen Century” (1964, jilid 9, isu 1 – 4); Gottfried Widmer, Ibrahim al-Muwailihi, “Der Spiegel der Welt” (1954, jilid 3 isu 2, ms 57 – 126) dan lain-lain.

Jurnal *The Islamic Quarterly*<sup>34</sup> pula memberi fokus kepada kajian tamadun Islam dari sudut pandangan orang Muslim sendiri. Jurnal ini diterbitkan sejak 1954 oleh *The Islamic Cultural Centre* (London, UK). Editornya yang pertama, Dr. Ali Abdel Kader menerangkan misi jurnal tersebut seperti berikut:

Tujuan utamanya adalah untuk penyebaran hasil kajian terbaru dalam bidang Kajian Islam yang dikarang oleh para sarjana Barat serta para cendekiawan Muslim. Harapan kami semoga dalam kerangka jurnal tersebut tokoh-tokoh dari seluruh dunia akan dapat membina platform dialog intelektual supaya mereka dapat berkongsi pandangan dan pendapat masing-masing.<sup>35</sup>

Jurnal ini mengandungi maklumat yang amat menarik tentang pelbagai aspek tamadun Islam termasuklah sejarah dan historiografi Islam, bahasa dan sastera, juga ilmu fiqh dan ilmu usuluddin.

---

34. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <http://www.iccuk.org/page.php?section=media&page=iq>

35. Ali Abdel Kader, *The Islamic Quarterly* 1, no.1 (1954): 3.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

Kajian Islam di kawasan Laut Mediterranean adalah fokus utama jurnal *Al-Masaq* yang diterbitkan oleh Lembaga Sejarah Zaman Pertengahan Mediterranean (*Society for the Medieval Mediterranean*)<sup>36</sup> sejak tahun 1988. Setiap tahun akan dikeluarkan tiga jilid serta isu-isu khas. Perpustakaan IKIM menyimpan set jurnal ini sehingga tahun 2005 (17 jilid). Setiap jilid mengandungi makalah ilmiah, maklumat mengenai aktiviti ilmiah (persidangan, diskusi-diskusi, dan syarahan-syarahan), ulasan buku, dan maklumat mengenai para pengarang dan ilmuwan. Menurut para penerbit (Routledge Taylor & Francis Publishing House) tujuan utama jurnal tersebut adalah mengatur diskusi ilmiah berkenaan tamadun Islam dan menyebarluaskan ilmu perihal budaya dan sejarah kawasan Mediterranean pada zaman Pertengahan. Ciri khas jurnal ini ialah keanekaragaman tema dan subjek kajian yang berkaitan dengan kawasan Mediterranean, termasuklah kajian sejarah, sastera, bahasa, toponimi, manuskrip-manuskrip, paleografi, kajian sosial (temasuk isu gender), kajian perbandingan (terutama perbandingan pandangan dan pendekatan Muslim–Kristian–Yahudi) dan lain-lain. Para pengarangnya pula kebanyakannya merupakan ahli akademik dari pelbagai universiti dan institusi ilmiah dari seluruh dunia, termasuklah: Universiti Leeds (UK), J.Wolfgang Goete Universitat (Germany), Universidad de Alicante (Spain), Universiti Utah (USA), Universiti Cambridge, Universiti Qatar, Universiti Hebrew (Jerusalem), Universiti Warsaw (Poland), Universiti Yarmouk (Jordan), California State University (USA), Universiti McGill (Canada), Universiti Edinburgh (UK), Academy of Arabic Language (Cairo), Universiti Kuwait dan lain-lain. Senarai universiti yang terlibat dalam penerbitan jurnal tersebut mencerminkan sifat global dan profesionalnya Makalah-makalah yang terdapat dalamnya menunjukkan aliran utama dalam bidang kajian Islam bukan hanya di Barat malah juga di institusi-institusi ilmiah di dunia Islam.

---

36. Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://www.societymedievalmediterranean.com/>

Bahan-bahan *al-Masaq* meliputi pelbagai aspek kajian ilmiah seperti seni dan seni bina Islam, ilmu bahasa (linguistik, etimologi dan lain-lain), sejarah Islam (analisis peristiwa, sejarah tempat-tempat, sejarah tokoh, dan lain-lain), sastera, kajian sumber sejarah (teksologi, toponimi, metrologi, epigraf dan lain-lain), falsafah (kajian kitab, konsep dan tokoh), ekonomi (sejarah, perdagangan, perbandaran dan lain-lain), kajian agama (kajian al-Qur'an, hadith, dan lain-lain), ilmu peperangan (peristiwa dan tokoh-tokoh), ilmu perundangan (kajian teks dan pelaksanaan undang-undang) dan lain-lain. Antara pendekatan utamanya adalah analisis perbandingan pelbagai budaya dan bangsa di kawasan Timur Tengah dan Asia Barat.

*Journal of Islamic Studies* merupakan terbitan ilmiah *Oxford Centre of Islamic Studies* (Oxford, UK) berkenaan kajian Islam dalam pelbagai aspek. Terdapat dalamnya karangan tentang dunia Islam termasuklah Timur Tengah, Asia, Afrika dan Eropah. Dalam Nota Editornya<sup>37</sup> dinyatakan tujuan utama jurnal tersebut adalah mempromosikan dapatan kajian dan diskusi ilmiah dalam bidang Kajian Islam. Ramai sarjana Muslim menyumbang kepada jurnal ini yang diterbitkan sejak tahun 1990<sup>38</sup>.

### **Jurnal yang Memberi Fokus kepada Agama-Agama Lain**

*International Journal of Hindu Studies* diterbitkan oleh Springer Publishing House, sebuah penerbit Belanda, sejak tahun 1997. Fokus utamanya adalah kajian berkenaan tradisi Hindu. Menurut Sushi Mittal (editor utama), jurnal ini bertujuan mempromosikan kajian ilmiah supaya ajaran agama Hindu difahami bukan hanya sekadar agama tetapi juga sebagai cara hidup dan pandangan alam. Karangan yang terdapat dalam jurnal ini menghuraikan

- 
37. Farhan Ahmad Nizami. "Editorial," *Journal of Islamic Studies* 1, (1990): iii.
  38. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://academic.oup.com/jis>

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

pelbagai aspek antaranya sejarah, budaya, sastera, bahasa, pemikiran, perubatan, kajian sosial, dan isu-isu masa kini. Jurnal ini diterbitkan sebanyak dua atau tiga kali setahun. Terdapat juga penulisan-penulisan mengenai Islam dan hubungan antara orang-orang Islam dan Hindu. Misalnya, S. Gordon, “Hindu, Muslims and the Other in Eighteen Century India” (Vol. 3, Issue 3, 1999, p. 221 – 239), James W. Laine, “The Dharma of Islam and the Dīn of Hinduism: Hindus and Muslims in the age of Śivāji” (vol.3, issue 3, 1999, p. 299 – 318); Richard H. Davis, “A Muslim Princess in the Temples of Viṣṇu” (Vol. 8, Issue 1-3, 2004, p. 137 – 156). Bahan-bahan yang diterbitkan dalam jurnal ini merupakan hasil kajian yang bermutu tinggi yang amat berfaedah untuk para sarjana dan pembaca yang mahu memahami agama dan budaya Hindu serta pandangan orang Hindu terhadap tamadun-tamadun lain.

Satu lagi jurnal terbitan Brill yang bertajuk *Studies in Central and East Asian Religions* merupakan jurnal yang berfokuskan kajian agama dan budaya Buddha. Jurnal ini dikelolakan oleh *Institute of Buddhist Studies* (Copenhagen, Denmark) dalam tempoh 1988–1999. Perpustakaan IKIM mempunyai set lengkap jurnal tersebut. Dalamnya terdapat bahan-bahan berupa kertas kerja dan makalah yang dibincangkan dalam kerangka Seminar Antarabangsa Kajian Buddha (the Seminar for Buddhist Studies, Copenhagen & Aarhus). Para pengarang menghasilkan kajian berkenaan agama dan budaya Buddhisme di Tibet, Asia Tengah, Mongolia, Cina, Korea dan Jepun dengan mempersembah semua aspek keagamaan dan kehidupan rohani dalam kawasan tersebut. Konsep utamanya ialah kepelbagaian budaya. Setiap bilangan mengandungi makalah ilmiah, ulasan-ulasan buku ilmiah (*book review*), laporan kajian lapangan, maklumat mengenai seminar, persidangan serta acara ilmiah yang lain.

Jurnal *Contemporary Buddhism* diterbitkan oleh Taylor & Francis sejak 2000. Fokus utamanya adalah kajian isu-isu semasa yang berkaitan dengan agama dan budaya Buddha. Dalam jurnal ini terdapat bahan-bahan mengenai pelbagai aspek agama Buddha, hubungan dan pengaruh agama Buddha

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

atas masyarakat serta pengaruh pelbagai tradisi dan budaya lain terhadap Buddhisme. Konsep utama jurnal ini adalah multiculturalism, kepelbagaian agama dan budaya, kajian perbandingan serta dialog antara pelbagai budaya dan tradisi. Salah satu isu yang menjadi asas kepada pendirian jurnal tersebut adalah fenomena penyebaran dan pengamalan agama Buddha di negara-negara Barat (Eropah, Amerika dan lain-lain). Jurnal tersebut bertujuan memenuhi kekurangan maklumat ilmiah mengenai agama dan adat-istiadat Buddhisme dalam kalangan para pengikut Buddhisme di Barat, yang lazimnya mengikuti pelbagai upacara secara formal (zahir) sahaja dan tidak memahami ilmu dan budaya yang bermutu tinggi yang ada dalam kerangka tradisi Buddhisme.

*Jurnal yang Mempersempah Hasil-hasil Kajian Perbandingan*

Selain buku-buku dan bahan-bahan dalam jurnal akademik yang dikategorikan di atas sebagai *General Studies* (Kajian Umum), Perpustakaan IKIM turut memperoleh beberapa jurnal yang mengandungi hasil Kajian Perbandingan (comparative studies) terhadap pelbagai agama dan budaya.

*Jurnal Islam and Christian-Muslim Relations*<sup>39</sup> (Islam serta Hubungan Kristian dan Muslim) diterbitkan sejak tahun 1990 oleh Pusat Kajian Islam dan Hubungan Kristian dan Muslim (Centre for the Study of Islam and Christian-Muslim Relations (CSIC), Birmingham, UK)<sup>40</sup>. Menurut Nota Editor, jurnal tersebut berusaha membincangkan dan menghuraikan cabaran hubungan antara kedua-dua tamadun tersebut dari sudut pandangan sejarah, ketamadunan dan isu-isu semasa. Para pengkaji daripada kedua-dua pihak (Muslim dan Kristian)

- 
39. Majalah tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://www.tandfonline.com/loi/cicm20>
  40. Centre for the Study of Islam and Christian-Muslim relations (CSIC) ditubuhkan pada tahun 1976 untuk mempermudah kefahaman dan kerjasama antara golongan orang Muslim dan orang Kristian. Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://uia.org/s/or/en/1100009672>

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

bekerjasama untuk memahami latarbelakang masalah semasa masing-masing berdasarkan kajian yang fundamental dan komprehensif. Setiap bilangan yang dikeluarkan sekali setahun mengandungi makalah ilmiah, ulasan buku, nota-nota dan laporan mengenai acara penting, nota editorial dan lain-lain. Jurnal tersebut amat berguna untuk semua yang berminat memahami dunia Islam dalam kerangka tamadun dunia.

Jurnal *Medieval Encounters: Jewish, Christian and Muslim Culture in Confluence and Dialogue*<sup>41</sup> (Pertemuan Abad Pertengahan: Pengaruh dan Dialog Tamadun Yahudi, Kristian serta Islam), diterbitkan oleh E.J. Brill (Leiden) sejak tahun 1995. Jurnal ini mempromosi pertukaran pandangan dan dialog berkenaan pelbagai bidang kajian agama dan budaya Islam, Kristian dan Yahudi dalam tempoh Zaman Pertengahan (kurun 4 – 16 Masihi), termasuk sejarah, seni, sastera, bahasa, falsafah, ilmu dan perubatan. Dari sudut pandangan daerah, kajian ini meliputi seluruh dunia. Fokus istimewa diberikan kepada pengaruh-pengaruh dan hubungan antara tiga tamadun, iaitu Islam, Kristian serta Yahudi. Terdapat 25 jilid, iaitu satu jilid pada setiap tahun dengan setiap jilid mengandungi 3 bilangan. Terdapat juga beberapa keluaran khas (*special issues*) misalnya:

1. “Spanning the Strait: Studies in Unity in the Western Mediterranean” (jilid 19, 2013)
2. “The Medieval Iberian Treasury in the Context of Cultural Interchange” (jilid 25, 2019)
3. “Interreligious Encounters in Polemics between Christians, Jews, and Muslims in Iberia and Beyond” (Jilid 24, 2018)

Jurnal *NUMEN: International Review for the History of Religions* diterbitkan oleh E.J. Brill (Leiden) sejak tahun 1954, merupakan satu lagi jenis terbitan dalam bidang kajian perbandingan yang menumpukan perhatian kepada kajian sejarah keagamaan. Penganjurnya adalah International Association for the History

---

41. Jurnal tersebut masih diterbitkan. Sila layari: <https://brill.com/view/journals/me/me-overview.xml>

of Religion<sup>42</sup>. Dalamnya terdapat bahan dalam Bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan Itali. Menurut Nota Editor, fokus utama jurnal ini adalah kepada kajian sejarah agama dari sudut pandangan sekular, iaitu dalam kerangka kajian akademik bukan teologi. Terdapat juga bahan yang berkaitan dengan teori dan konsep kajian sejarah sebagai bidang ilmu istimewa. Misalnya: E.O. James, “The History, Science and Comparative Study of Religion” (*NUMEN*, jilid 1, 1954, ms. 91 – 105); G. Stephenson, “Geschichte Und Religionswissenschaft Im Ausgehenden 18. Jahrhundert” (jilid 13, 1966, bil. 1 ms. 43 – 80); D.W. Gundry, “The History of Religions in Great Britain” (jilid 3, 1956, bil. 1, ms. 77 – 78); Hans G. Kippenberg, “The Problem of Literacy in the History of Religions” (jilid 39, 1992, bil.1, ms. 102 – 107); Millar, A., Riches, John K, “Interpretation: A Theoretical Perspective and Some Applications” (jilid 28, 1981, bil. 1, ms. 29 – 53) dan lain-lain.

Jurnal ini mengandungi banyak makalah yang amat menarik tentang Islam dan sejarah Islam dalam kerangka kajian ketamadunan. Misalnya: A. Bausani, “On Some Recent Translations of the Qur'an” (jilid 4, 1957, bil. 1, ms. 75 – 81); Charles A. Frazee, “Ibn al-'Arabī and Spanish Mysticism of the Sixteenth Century” (jilid 14 1967, bil.1, ms. 229 – 240); J.R. Porter, “Muhammad's Journey To Heaven” (jilid 21, 1974, bil. 1, ms. 64 – 80); Muhammad Qasim Zaman, “A Venture in Critical Islamic Historiography and the Significance of Its Failure” (jilid 41, 1994, bil.1, ms. 26 – 50) dan lain-lain. Kajian perbandingan merupakan salah satu fokus terpenting Koleksi Tamadun Islam.

Satu lagi keistimewaan Koleksi Tamadun Islam di Perpustakaan IKIM adalah bahan-bahan ilmiah dalam bidang seni. Koleksi jurnal dalam bidang Kajian Kesenian mengandungi 7 judul:

---

42. International Association for the History of Religion merupakan institusi antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1950 dalam kerangka Persidangan Antarabangsa ke-7 mengenai hal ehwal sejarah agama (7th Congress on the history of religions), Amsterdam, untuk mempromosikan kerjasama antarabangsa dalam bidang kajian ilmiah berkenaan sejarah pelbagai agama. Untuk maklumat lanjut sila layari: <http://www.iahrweb.org/>

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

1. *Ars Islamica: The Research Seminary in Islamic Art* (sejak 1934 hingga 1951, Detroit Institute of Arts, University of Michigan Press: Michigan)
2. *Ars Orientalis* (sejak 1951, Department of the History of Art, University of Michigan, dan the Freer Gallery of Art, Smithsonian Institution, Michigan)
3. *Artibus Asiaie* (sejak 1925, Museum Rietberg (Zurich), Avalun-Verlag Hellerau-Dresden)
4. *Arts Asiatiques* (sejak 1954, Ecole française d'Extrême-Orient (EFEO) (French Institute of the Far Eastern Studies), Guimet and Cernuschi Museums, Paris)
5. *Indian Art and Letters* (sejak 1925, Royal India Society, London)
6. *HALI* (The International Journal on Islamic Carpets and Textile) (sejak 1978, Oguz Press, London)
7. *Mugarnas* (An Annual on Islamic Art and Architecture) (sejak 1983, The Aga Khan Program for Islamic Architecture at Harvard University and Massachusetts Institute of Technology, Cambridge, Massachusetts)

Dalam bidang kajian ini disenaraikan jurnal yang memberikan fokus kepada seni sebagai subjek utama. Selain jurnal-jurnal yang disenaraikan ini, terdapat juga bahan-bahan berkaitan kesenian dalam jurnal-jurnal yang lain.

Jurnal *Ars Islamica* diterbitkan oleh Freer Gallery of Art,<sup>43</sup> Smithsonian Institution,<sup>44</sup> dan Department of the History

- 
43. FREER Art Gallery merupakan museum seni dibawah naungan Smithsonian Institution (Washington, USA). Fokus utama adalah seni Asia, termasuk Asia Tenggara dan Alam Melayu. Merupakan galeri koleksi khas seni Islam serta seni Asia, yang dianggap paling besar di Amerika Syarikat. Didirikan pada tahun 1923 oleh Charles Lang Freer (1854 – 1919)—seorang peniaga dan dermawan, pengumpul artifak-artifak seni. Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://www.si.edu/Museums/freer-gallery>
  44. Smithsonian Institution adalah sebuah yayasan iaitu kompleks muzium-muzium dan pusat pengajian dan pengajaran antarabangsa yang paling besar di dunia. Dalamnya terdapat 19 buah muzium dan Zoo Negara. Ditubuhkan pada tahun 1846 oleh James Smithson (1765–1829) seorang sarjana Inggeris (ahli kimia dan mineral). Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://www.si.edu/>

of Art, University of Michigan, (USA). Perpustakaan IKIM memperoleh set jurnal ini dari tahun 1934 hingga 1951 (dua bilangan setahun). Menurut penerbit, tujuan utama penerbitan jurnal ini adalah menarik perhatian dan mempromosikan kajian mengenai ilmu kesenian Islam. Jurnal ini memberi peluang kepada ilmuwan dan ahli akademik untuk membincangkan dan berkongsi hasil-hasil kajian dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan kesenian Islam. Sepertimana yang disebutkan dalam Nota Editor,<sup>45</sup> jurnal tersebut berpegang dengan prinsip tidak terlibat dalam isu politik dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam perbincangan tersebut serta tidak menyokong apa pun pandangan.

Bahan-bahan yang diterbitkan dalam *Ars Islamica* dikarang dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Rusia dan Bahasa Jerman. Menariknya, terdapat banyak gambar dan peta dengan penjelasan yang terperinci. Antara contoh subjek utama beserta judul yang berkaitan:

1. Kajian Teoretikal Mengenai Ilmu Kesenian Islam dan Ciri-Ciri Khasnya. Misalnya: Josef Strzygowski, “Die Islamische Kunst als Problem” (The Islamic Art as a Problem) (jil. 1)
2. Seni Visual (Decorative Art, Painting, Mosaics, Miniatures etc). Misalnya: Ernst Diez, “The Mosaics of the Dome of the Rock at Jerusalem” (vol. 1) Guest Grace D, “Notes on the Miniatures on a Thirteenth Century Beaker” (jil. 10)
3. Seni Bina (Akitek dan Penghiasan)  
Misalnya: Smith M.B, “Material for a Corpus of Early Iranian Islamic Architecture” (5 makalah dalam pelbagai jilid) Godard Andre, “The Architecture of the Islamic Period. A Survey of Persian Art” (jil. 8)
4. Penghiasan Manuskrip dan Buku-Buku (Kaligrafi dan Seni Khat).  
Misalnya: Abbot Nabia, “Arabic-Persian Koran of the Late Fifteenth or Sixteenth Century AD” (jil. 6)

---

45. “Editorial Note,” *Ars Islamica*, 1, no.1, (1934): 3.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

5. Epigraf (Tulisan dan Hiasan atas Seramik, Batu-Batu Nisan, Senjata dan Lain-Lain).  
Misalnya: Berthold Laufer, “Chinese Muhammedan Bronze with a Study of the Arabic Inscriptions by Martin Sprengling” (jil.1 bahagian 2.)
6. Seni Karpet dan Tekstil dan Pembuatannya.  
Misalnya: Briggs Amy “Timurid carpets. (1) Geometric carpets. (2) Arabesque and Flower carpets” (jil. VII, XI – XII); Serjeant R.B., “Material for a History of Islamic Textiles up to the Mongol Conquest” (siri makalah dalam pelbagai jilid)
7. Kajian Perbandingan Pelbagai Tradisi dalam Bidang Seni dan Budaya.  
Misalnya: Buchthal Hugo, “A Note on Islamic Enamelled Metal Work and its Enflurane in the Latin West” (jil. XI – XII)
8. Arkeologi  
Misalnya: Prostov. E, “Archeological Investigation in Central Asia, 1917 – 1937” (jil. 5)
9. Kajian Bibliografi Mengenai Seni Islam  
Misalnya: Mehmet Aga Oglu, “Bibliographia 1933 – 1934” (jil. 1)
10. Pameran dan Muzium (Museum and Exhibitions).  
Misalnya: Gray Basil, “Islamic Art at the Indian Exhibition. Royal Academy, London, November 1947 hingga February 1948” (jil. XV – XVI)

Jurnal *Ars Islamica* ini banyak memberi faedah kepada semua yang berminat mengkaji kesenian Islam di seluruh dunia. Jurnal sebegini juga contoh penerbitan akademik yang banyak menyumbang dalam mempromosikan kesenian Islam dan kajian tamadun.

Dalam jilid terakhir (Jld. XV-XVI) jurnal ini, terdapat pengumuman bahawa *Ars Islamica* akan menukar nama kepada *Ars Orientalis* dan akan juga meluaskan skop subjek dan tema utama, termasuklah kajian yang lebih menyeluruh meliputi seluruh Asia, Timur Tengah, Timur Jauh dan lain lain.

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

Jurnal *Ars Orientalis* (*The Arts of Islam and the East*) adalah kesinambungan *Ars Islamica* dan diterbitkan hingga tahun 2012–2013 oleh sekumpulan institusi ilmiah iaitu University of Michigan, Centre for Chinese Studies<sup>46</sup>, Free Gallery of Art, Smithsonian Institution, dan Fine Art Department (Univ. of Michigan, Baltimore, USA). Susunan setiap jilid adalah selaras dengan *Ars Islamica* dari sudut bidang kajian iaitu seni, seni bina, epigrafi, seni visual, arkeologi, pameran dan muzium dan lain-lain.

Berbanding dengan *Ars Islamica*, *Ars Orientalis* menampilkan tema-tema baharu yang berkaitan dengan kajian kesenian dalam pelbagai tamadun—Hebrew, Siberia, Tibet, China, India, Japan, Nepal, Thailand dan lain-lain. Misalnya:

1. Loehr M, “Chinese Painting with Sung Dated Inscriptions” (jil. 4)
2. Pratapaditya Pal, “Early Painting of the Goddess in Nepal” (jil. 12 – 14)
3. Leila Avrin, “Illuminated Hebrew Manuscript Facsimiles” (jil. 20-22)
4. Kanzuo Yamasaki, Yoshimichi Emoto, “Pigments used in Japanese Paintings from the Protohistoric Period through the 19th Century” (jil. 11)

Namun fokus utama masih dikekalkan—iaitu kesenian dan budaya Islam. Misalnya:

1. Grabar Oleg, “The Earliest Islamic Commemorative Structures, Notes and Documents” (jil. 6)
46. Center for Chinese Studies (Kenneth G. Libenthal & Richard H. Rogel Center for Chinese Studies – LR CCS) ditubuhkan pada tahun 1961 di Universiti Michigan dengan tujuan melaksana, mempromosi dan menerbitkan kajian yang khusus mengenai China, termasuk hal ehwal sejarah, budaya, bahasa serta isu-isu moden. CCS memperoleh koleksi bahan yang serbaneka mengenai pelbagai aspek kajian China serta terlibat dalam pelbagai penerbitan ilmiah. Untuk maklumat lanjut boleh layari: <https://ii.umich.edu/lrcs>.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

2. “Pre-Modern Islamic Palaces” (keluaran khas jil. 23 -24)

Terdapat juga banyak kajian perbandingan di antara pelbagai tamadun dan budaya, misalnya:

1. Goldman B, “Some Aspects of Animal Deity: Luristan, Tibet and Italy” (jil. 4)
2. Ellen Johnston Laing, “Evidence for Two Possible Sasanian Rugs Depicted in Tun-Huang Murals of AD 642” (jil. 12 – 14)

Jurnal *Ars Orientalis* sangat membantu usaha untuk memahami ciri-ciri global dan hubungan antara pelbagai tamadun dan budaya serta melihat keistimewaan tradisi Islam dan kepentingannya.

Jurnal *Arts Asiatiques (Asian Art)* diterbitkan di Perancis sejak tahun 1954 hingga 2014. Perpustakaan IKIM memiliki set ini sehingga tahun 2000. Penerbit bagi jurnal ini adalah Ecole française d’Extrême-Orient (EFEO) (French Institute of the Far Eastern Studies) bersama dengan Guimet and Cernuschi Museums. Kebanyakan bahan jurnal ini dalam Bahasa Perancis dan Bahasa Inggeris. Pada tahun 1924 – 1954 jurnal tersebut pernah diterbitkan dengan tajuk yang lain iaitu *Revue des Arts Asiatiques*. Tujuan utama penerbitannya adalah menyatukan usaha para pengkaji dari dunia akademik dan para penyelidik dari dunia muzium. Dalamnya hasil-hasil kajian khusus yang berkaitan dengan seni dan arkeologi digabungkan bersama dengan laporan-laporan lapangan dan rekod-rekod pemeriksaan teknikal pelbagai artifak yang disimpan di muzium. Pendekatan tersebut dapat memberi maklumat yang lengkap mengenai pelbagai jenis sumber primer (termasuk dokumen-dokumen, persuratan serta artifak-artifak seni) mulai dari sejarah pembuatannya sehinggalah kepada penafsiran isi kandungannya serta kepentingannya dari sudut pandangan sejarah kemanusiaan. Fokus utamanya adalah kajian artifak-artifak seni dan budaya Asia yang disimpan dalam pelbagai

muzium. Dalam jurnal tersebut terdapat makalah mengenai Seni Bina dan Arkeologi, seni penghiasan manuskrip, seni visual serta ilmu epigraf dan bahan-bahan mengenai kajian kartografi dan topografi. Terdapat juga maklumat dan laporan tentang pelbagai muzium dan pameran serta koleksi-koleksi awam dan peribadi. Salah satu daripada ciri khasnya adalah penumpuan perhatian kepada kajian tamadun dan seni purba, kajian mengenai pelbagai negara di Asia Tenggara (Vietnam, Burma, Laos dan lain-lain), dan kajian seni dan budaya Iran dan Asia Tengah. Fokus yang lebih diberikan kepada kajian tamadun Islam. Misalnya:

1. Assadullah Melikian-Chirvani, “La plus ancienne mosquée de Balkh” (Masjid yang tertua di Balkh) (jil. 20, 1969)
2. Ivan Stchoukine, “Un manuscrit illustré de la bibliothèque de Bāyazid II” (Sebuah Manuskrip bergambar dalam koleksi Bayazid II) (jil. 24, 1971)
3. Maxime Siroux, “L’évolution des antiques mosquées rurales de la région d’Ispahan” (Perkembangan dan perubahan masjid-masjid di kawasan perkampungan di Isfahan) (jil. 26, 1973)
4. Nathalie Lapierre, “La peinture monumentale de l’Asie centrale soviétique: observations techniques” (Lukisan monumental Soviet Central Asia: kajian terhadap aspek-aspek teknikal) (jil. 45, 1990)

Jurnal *HALI: The International Journal on Islamic Carpets and Textile*<sup>47</sup> yang terbitkan sejak tahun 1978 oleh penerbit Turki Oguz Press di London, merupakan sebuah terbitan terkemuka yang hanya berfokuskan satu subjek sahaja—kesenian karpet dalam Islam. Perkataan “*Hali*” bermaksud karpet dalam Bahasa Turki. Tujuan utama jurnal ini adalah menggabungkan para pengkaji ilmu kesenian Islam dan dunia pasaran karpet antarabangsa. Maklumat yang benar dan lengkap mengenai sejarah pembuatan

---

47. Jurnal *Hali* tersebut masih diteruskan. Sila layari: <https://hali.com/>.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

dan penyebaran tradisi karpet membantu mempromosikan budaya Islam ke seluruh dunia yang menghargai mutu dan kecantikan karpet dan tekstil Islam. Setiap isu jurnal tersebut disertakan dengan gambar-gambar karpet yang bermutu tinggi. Ini merupakan salah satu keistimewaan jurnal ini.

*Mugarnas: An Annual on Islamic Art and Architecture* ialah jurnal yang diterbitkan sejak tahun 1983 dalam kerangka Program Khas Aga Khan berkenaan seni bina Islam di Universiti Harvard dan Institut Teknologi Massachusetts (The Aga Khan Program for Islamic Architecture at Harvard University and Massachusetts Institute of Technology, Cambridge, Massachusetts)<sup>48</sup>. Penerbitnya adalah BRILL. Fokus utama *Mugarnas* adalah kajian dalam seni visual dan seni bina, perbandaran dan pendidikan Islam. Selain itu, dalamnya terdapat makalah tentang pemuliharaan penyimpanan artifak-artifak seni Islam, termasuk kajian manuskrip-manuskrip Islam serta sumber-sumber penulisan yang lain. Perpustakaan IKIM memiliki set jurnal jilid 1 pada tahun 1983 sehingga 2006.<sup>49</sup>

## Kesimpulan

Setiap satu daripada koleksi jurnal yang dikaji di atas sememangnya mencerminkan sebuah koleksi jurnal ilmiah yang sangat berharga selain berkongsikan ciri-ciri penting yang menjadikannya sebuah koleksi yang nadir dan istimewa. Ciri-ciri itu adalah: Ilmiah, Komprehensif dan Profesional.

“Ilmiah” membawa maksud bahawa bahan-bahan yang disimpan dalam koleksi ini:

1. Merupakan karangan ilmiah serta berdasarkan kajian ilmiah;

---

48. *Aga Khan Program for Islamic Architecture* (AKPIA) didirikan dalam Universiti Harvard dan Institut Teknologi Massachusetts dengan sokongan dana oleh keluarga Agha Khan (mengenai Agha Khan dan keluarga sila layari: <https://www.akdn.org/about-us/his-highness-agha-khan/biography-his-highness-agha-khan>)

49. Penerbitan majalah *Mugarnas* masih diteruskan. Sila layari: <https://brill.com/view/journals/muqj/muqj-overview.xml>

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

2. Merujuk kepada data-data sebenar (atau yang boleh dipercayai);
3. Disusun mengikut logik; dan
4. Berunsur intelektualisme dan rasionalisme.

Definisi “Komprehensif” adalah bahawa koleksi ini:

1. Mengandungi bahan-bahan rujukan daripada seluruh dunia;
2. Mengandungi bahan-bahan dalam pelbagai bahasa; dan
3. Merangkumi kajian dalam pelbagai bidang ilmu dan subjek.

“Professional” pula bermaksud, bahawa dalam Koleksi Tamadun Islam ini terdapat:

1. Bahan-bahan yang dikarang dari pelbagai perspektif dan sudut pandangan, termasuk perspektif Islam dan perspektif Barat, pendekatan sejarah dan pendekatan budaya, iaitu yang bersifat objektif dan beraneka ragam;
2. Bahan-bahan yang dikarang oleh pakar-pakar yang berwibawa dalam bidang masing-masing;
3. Koleksi bahan tersebut disusun (dikumpul) oleh para professional (pakar-pakar); dan
4. Koleksi yang merupakan “*working collection*” iaitu kumpulan buku yang diperoleh bukan untuk tujuan prestige sahaja akan tetapi untuk digunakan secara tepat (*precisely*) dan berterusan dalam pelaksanaan kajian ilmiah iaitu aktiviti profesional.

Analisis isi kandungan dan susunan kumpulan jurnal ilmiah yang dirumuskan di atas membuktikan secara jelas bahawa nilainya dari sudut pandangan ilmiah serta kepentingannya untuk para pengkaji dan para pembaca awan adalah amat tinggi. Koleksi jurnal ilmiah Perpustakaan IKIM ini patut dianggap sebagai mutiara dalam kerangka Koleksi Tamadun Islam yang diperoleh oleh sesebuah perpustakaan.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

## Rujukan

- Abbot, N. "Arabic- Persian Koran of the Late Fifteenth or Sixteenth Century AD." *Ars Islamica* 6, (1939): 91–94.
- Amateau, A. J. "The Sephardic Immigrant from Bulgaria: A Personal Profile of Moise Gadol." *The American Jewish Archives Journal* 42, no. 1 (1990): 5–70.
- Avrin, L. "Illuminated Hebrew Manuscript Facsimiles" *Ars Orientalis* 20-22, (1990): 189–196.
- Briggs, A. "Timurid carpets. (1) Geometric carpets. (2) Arabesque and Flower carpets." *Ars Islamica* 7, (1940) 20–54.
- \_\_\_\_\_. "Timurid Carpets: Part II: Arabesque and Flower Carpets." *Ars Islamica* 11–20, (1946): 146–158.
- Bausani, A. "On Some Recent Translations of the Qur'an." *NUMEN* 4, no. 1 (1957): 75–81.
- Buchthal, H. "A Note on Islamic Enamelled Metal Work and its Enflurane in the Latin West." *Ars Islamica* 11–12, (1946): 195–197.
- Davis, Richard H. "A Muslim Princess in the Temples of Visnu." *International Journal of Hindu Studies* 8, no. 1–3 (2004): 137–156.
- Diez, E. "The Mosaics of the Dome of the Rock at Jerusalem." *Ars Islamica* 1, no. 2 (1934): 235–238.
- "Editorial Note." *Ars Islamica* 1, no. 1 (1934): 3.
- Frazee, Ch. A. "Ibn al-‘Arabī and Spanish Mysticism of the Sixteenth Century." *NUMEN* 14, no.1 (1967): 229–240.
- García-Arenal, M., Wiegers, G., Szpiech, R. (ed.), "Interreligious Encounters in Polemics between Christians, Jews, and Muslims in Iberia and Beyond." *Medieval Encounters. Jewish, Christian and Muslim Culture in Confluence and Dialog (Special Offprint)* 24, (2018): 1–3.
- Godard, A. "The Architecture of the Islamic Period. A Survey of Persian Art." *Ars Islamica* 8, (1941): 3–13.
- Goldman B. "Some Aspects of Animal Deity: Luristan, Tibet and Italy." *Ars Orientalis* 4, (1961): 171–186.

- Gordon S. "Hindu, Muslims and the Other in Eighteen Century India." *International Journal of Hindu Studies* 3, no. 3 (1999): 221–239.
- Grabar O. "The Earliest Islamic Commemorative Structures, Notes and Documents." *Ars Orientalis* 6, (1966): 7–46.
- Gray, B. "Islamic Art at the Indian Exhibition. Royal Academy, London November 1947 to February 1948." *Ars Islamica* 15–16, (1951): 145–150.
- Gundry, D.W. "The History of Religions in Great Britain." *NUMEN* 3, no. 1 (1956): 77–78.
- Guest, G. D. "Notes on the Miniatures on a thirteenth century Beaker." *Ars Islamica* 10, (1943): 148–152.
- Gulru Necipoglu (ed.) "Pre-Modern Islamic Palaces." *Ars orientalis* 23–24, (1993–1994).
- Hachicho, Muhammad Ali. "English Travel Book about the Arab Near East in the Eighteen Century." *Die Welt des Islams* 9, no. 1–4 (1964).
- Haridi, A. "Das Paradigma der "islamischen Zivilisation"—Oder die Begründung der deutschen Islamwissenschaft durch Carl Heinrich Becker (1876–1933)." *MISK—Mitteilungen zur Sozial- und Kulturgeschichte der islamischen Welt* 1, no. 9 (2005).
- James, E.O. "The History, Science and Comparative Study of Religion." *NUMEN* 1, (1954): 91–105.
- Jaschke, G. "Der Islam in der neuen Turkei." *Die Welt des Islams* 1, (1951).
- Kanzuo Yamasaki, Yoshimichi Emoto. "Pigments used in Japanese paintings from the Protohistoric period through the 19th century." *Ars Orientalis* 11, (1979): 1–14.
- Kippenberg, H. "The Problem of Literacy in the History of Religions." *NUMEN* 39, no.1 (1992): 102–107.
- Laine, J. W. "The Dharma of Islam and the Dīn of Hinduism: Hindus and Muslims in the Age of Śivājī." *International Journal of Hindu Studies* 3, no. 3 (1999): 299–318.
- Laing, E. J. "Evidence for Two Possible Sasanian Rugs Depicted in Tun-Huang Murals of AD 642." *Ars Orientalis* 12–14, (1981–1984): 69–72.

*Tatiana A. Denisova / TAFHIM 13 No. 2 (Dec 2020): 115–157*

- Lapierre, N. “La peinture monumentale de l’Asie centrale soviétique: observations techniques.” *Arts Asiatiques* 45, (1990): 28–40.
- Laufer, B. “Chinese Muhammedan Bronze with a study of the Arabic inscriptions by Martin Sprenling.” *Ars Islamica* 2, (1934).
- Loehr, M. “Chinese painting with Sung dated inscriptions.” *Ars Orientalis* 4, (1961): 119–284.
- Martin, Th.(ed.). “The Medieval Iberian Treasury in the Context of Cultural Interchange.” *Medieval Encounters. Jewish, Christian and Muslim Culture in Confluence and Dialog* 25, (2019). Special Offprint.
- Mehmet Aga Oglu. “Bibliographia 1933–1934.” *Ars Islamica* 1, (1934): 183–199.
- Melikian-Chirvani, A. La plus ancienne mosquée de Balkh.” *Arts Asiatiques* 20, (1969): 3–19.
- Millar, A., Riches, John K. “Interpretation: a Theoretical Perspective and Some Applications.” *NUMEN* 28, no. 1 (1981): 29–53.
- Nizami, Farhan Ahmad. “Editorial.” *Journal of Islamic Studies* 1, (1990); iii.
- Porter, J.R. “Muhammad’s Journey To Heaven.” *NUMEN* 21, no. 1 (1974): 64–80.
- Pratapaditya Pal. “Early painting of the Goddess in Nepal.” *Ars Orientalis* 12–14, (1981–1984): 41–48.
- Prostov, E. “Archeological Investigation in Central Asia, 1917–1937.” *Ars Islamica* 5, (1938): 233–271.
- Siroux, M. “L’évolution des antiques mosquées rurales de la région d’Ispahan.” *Arts Asiatiques* 26, (1973): 65–93.
- Smith M.B. “Material for a Corpus of early Iranian Islamic Architecture.” *Ars Islamica* 4, (1937): 6–41.
- Stchoukine, I. “Un manuscrit illustré de la bibliothèque de Bāyazid II.” *Arts Asiatiques* 24, (1971): 9–15; 17–22.
- Stephenson, G. “Geschichte Und Religionswissenschaft Im Ausgehenden 18. Jahrhundert.” *NUMEN* 13, no. 1 (1966): 43–80.

*Kajian Koleksi Tamadun Islam*

- Strzygowski, J. "Die Islamische Kunst als Problem." *Ars Islamica* 1, no. 1 (1934): 7–9.
- Yuen-gen Liang (ed.) etc. "Spanning the Strait: Studies in Unity in the Western Mediterranean." *Medieval Encounters. Jewish, Christian and Muslim Culture in Confluence and Dialog* 19, (2013). Special Offprint.
- Walter S. "Obituary of Dr. Bruno Schindler." *Asia Major (New Series)* 11, no. 2 (1965): 93–100.
- Widmer, G. Ibrahim al-Muwailihi. "Der Spiegel der Welt." *Die Welt des Islams* 3, no. 2 (1954): 57–126.
- Zaman, Muhammad Qasim. "A Venture in Critical Islamic Historiography and the Significance of Its Failure." *NUMEN* 41, no. 1 (1994): 26–50.

TRANSLITERATION TABLE

CONSONANTS

Ar=Arabic, Pr=Persian, OT=Ottoman Turkish, Ur=Urdu

Ar	Pr	OT	Ur	Ar	Pr	OT	Ur	Ar	Pr	OT	Ur
ء	ء	ء	ء	ج z	z	z	ز	گ-	g	g	g
ب b	b	b	b	ڙ-	-	-	ڙ	ڥ l	l	l	l
پ -	p	p	p	ڙ-	zh	j	zh	ڦ m	m	m	m
ت t	t	t	t	س s	s	s	s	ڻ n	n	n	n
ٿ -	-	-	ٿ	ش sh	sh	ش	ش	ه h	h	h <sup>1</sup>	h <sup>1</sup>
ٿ th	th	th	th	ص s	ش	ش	ش	و w	v/u	v	v/u
ڇ j	j	c	j	ژ d	ڙ	ڙ	ڙ	ي y	y	y	y
ڻ -	ch	ç	ch	ٻ ڦ	ڦ	ڦ	ڦ	ڦ ah <sup>2</sup>			-a <sup>2</sup>
ڻ h	h	h	h	ڦ ڙ	ڙ	ڙ	ڙ	ڦ al <sup>3</sup>			
ڙ kh	kh	h	kh	ع	غ gh	غ	غ				
ڙ d	d	d	d	غ gh	غ gh	غ gh	غ gh				
ڙ -	-	-	d	ڦ f	f	f	f				
ڙ dh	dh	dh	dh	ڦ q	ق q	ق q	ق q				
ڙ r	r	r	r	ڦ k	k/g	k/ñ/g	k				

VOWELS

	Arabic and Persian	Urdu	Ottoman Turkish
Long	ا ā آ Á ء ū ئ ï	ା	ା
Doubled	ي iy (final form ï) و uw (final form ū) و uvv (for Persian)	ି	ି
Diphthongs	أ au or aw إ ai or ay	au ay	ev ey
Short	ا a و u ي i	a u i	ا or e و or ü ي

URDU ASPIRATED SOUNDS

For aspirated sounds not used in Arabic, Persian, and Turkish add h after the letter and underline both the letter e.g. جھ jh گھ gh ۴۵ ۱۵۸

For Ottoman Turkish, modern Turkish orthography may be used.

<sup>1</sup> when not final  
<sup>2</sup> -at in construct state  
<sup>3</sup> (article) al- or l-

# **TAFHIM Online © IKIM Press**

## **NOTES TO CONTRIBUTORS**

**M**anuscripts in electronic or soft copy are to be submitted to IKIM Editor (*TAFHIM*, The Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), No. 2, Langkau Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia; or e-mailed to [tafhim@ikim.gov.my](mailto:tafhim@ikim.gov.my)). All manuscripts will be reviewed by the *TAFHIM* Editorial Board. With the exception of manuscripts by invited authors, they shall then be reviewed by at least one independent reviewer. Decision regarding the publication of a manuscript is based on their recommendations. Although *TAFHIM* editors are responsible for the selection and acceptance of the articles and reserve the right to edit manuscripts as deemed appropriate, responsibility for opinions expressed in them rests solely with the individual authors. The copyright of any article published in *TAFHIM* belongs to IKIM; however, it can be reprinted with proper acknowledgement of its prior publication herein. Each contributor will receive five copies of *TAFHIM*.

- Articles submitted must be original contributions and have not been previously published or under consideration for publication elsewhere.
- Articles may be written either in English, Malay or the Arabic language; must be typed in Microsoft Word, in either Times New Roman Font or preferably Arial Unicode MS Font, 12 in size, and doubled-spaced; and should be 20 to 30 pages approximately, or not exceeding 6,000 words. An abstract consisting of 100 to 200 words, together with a list of 5 to 10 keywords, ought to be submitted with each article.
- Author's full name (in the form preferred for publication), university or professional affiliation, as well as complete postal address, e-mail and telephone number where the author can be reached should be included. A four-sentence current biodata of each respective author should also be provided. Be sure to inform the editor of any change in the aforementioned particulars while the manuscript is being processed for publication.
- In cases of multi-authored article, the number of authors involved must be deemed reasonable by *TAFHIM* Editorial Board. Also required is Author Contributions statement in footnote form which indicates their specific roles and contributions. The appearance of multiple authors under the main title of the article ought to reflect their degree of involvement in authoring it, with the most active contributors listed first.
- Use of diacritics for transliteration must follow the system and method outlined in the Transliteration Table provided herein.
- References to any source should be numbered consecutively throughout and appear as footnotes. All initial references should contain the author's name, full title of book or article, place and year of publication, publisher, volume as well as issue number, and page reference, while subsequent references should partially indicate the author's name, the respective title, and the page(s) being referred to. A complete list of such references must also be supplied at the end of the article.
- Reference to date/year must be arranged in the following sequence: date or year in A.H./its equivalent in C.E., such as 505/1111. If reference is made only to the Hijrah Calendar, it should be duly specified (at the very least by A.H.); otherwise, the reference is generally considered to have been to that of the Common Era (C.E.).
- In the event of doubt, reference should be made to *The Chicago Manual of Style* or *Turabian's A Manual for Writers*.
- The *TAFHIM* Editorial Board may invite an erudite scholar or a professional to write an article in his/her field of expertise. The format of the invited article must follow the standard specified by *TAFHIM*, and must be an original article which has not been published elsewhere. Suitability for publication will be determined by the *TAFHIM* Editorial Board.



IKIM Press

Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)  
Institut Kefahaman Islam Malaysia 234432-H

© All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form or  
by any means without prior permission from the copyright holder

ISSN 2231-7015



9 772231 701506

13-2  
2020  
3000